

28/01/2003

`Elak sindrom serah kepada PM buat keputusan'

KUALA LUMPUR: Amalan segelintir pemimpin kerajaan menyerahkan keputusan melepaskan jawatan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menentukannya, tidak harus menjadi sindrom, kata Naib Presiden MCA, Datuk Chan Kong Choy.

Beliau berkata, sekiranya pemimpin terbabit berasakan tidak mampu menjalankan tanggungjawab, mereka perlu melepaskan jawatan kepada individu yang berkeelayakan serta berkemampuan.

"Saya bersetuju, sekiranya ada pemimpin yang mahu berundur, mereka harus pergi dan tidak adil untuk menyerahkan keputusan mereka kepada Perdana Menteri. Semua kita (pemimpin kerajaan) harus bersedia.

"Seseorang pemimpin tahu bila masa yang sesuai untuk mereka berundur.

Sekiranya mereka berhasrat untuk berundur, mereka perlu berundur. Amalan menyerahkan keputusan kepada Perdana Menteri tidak harus dibiarkan berterusan," katanya selepas melawat dan menyerahkan hadiah sempena Tahun Baru Cina kepada 52 pesakit kanak-kanak di Hospital Selayang di sini, semalam.

Chan berkata demikian ketika diminta mengulas keputusan beberapa pemimpin Umno dan Barisan Nasional untuk berundur dan tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Selain itu, Chan berkata, hasrat Dr Mahathir melepaskan jawatan kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menerajui kerajaan selepas Oktober ini juga harus menjadi ikutan, untuk memberi peluang kepada pemimpin lain.